

1. PERATURAN PENGINAPAN ASRAMA

1.1 Peraturan Am

- 1) Pada hari persekolahan semua pelajar hendaklah mengosongkan asrama sebelum jam 6.30 pagi.
- 2) Pelajar tidak dibenarkan pulang ke asrama pada waktu akademik.
- 3) Sebelum meninggalkan asrama, bilik hendaklah dipastikan kemas dan bersih.
- 4) Susunan alat kelengkapan seperti katil, tilam, almari dan alatan tidak boleh diubah tanpa kebenaran.
- 5) Semua pakaian pelajar hendaklah di tanda dengan No. Maktab.
- 6) Kebersihan persekitaran asrama adalah tanggungjawab bersama.
- 7) Semua jenis makanan basah tidak dibenarkan di asrama.
- 8) Alatan berbahaya seperti pisau, racun, asid dan sebagainya tidak dibenarkan dimiliki/ disimpan/ diguna di asrama.
- 9) Pelajar hendaklah sentiasa menghormati pekerja/ kakitangan asrama.
- 10) Pelajar tidak dibenarkan membuat bising yang keterlaluan di asrama
- 11) Pelajar bertanggungjawab memastikan semua suis alatan elektrik dimatikan sebelum meninggalkan asrama.
- 12) Pelajar yang sakit hendaklah berada di bilik sakit pada waktu akademik.
- 13) Pelajar hendaklah memastikan asrama berada dalam keadaan bersih, kemas dan teratur sebelum pulang bercuti.
- 14) Pelajar hendaklah mengamalkan amalan penjimatan air dan elektrik bagi mengelakkan pembaziran.
- 15) Pelajar hendaklah berada di asrama sebelum jam 11 .00 malam.

1.2 Penempatan Pelajar

- 1) Pelajar tidak dibenarkan berpindah ke tempat lain tanpa kebenaran Ketua Warden
- 2) Pelajar hendaklah mengisi **Borang Penerimaan Alatan [BPA]** dan memeriksa serta mengesahkan keadaan alatan yang diterima.
- 3) BPA yang telah ditandatangani oleh pelajar hendaklah diserahkan kepada warden
- 4) Bayaran ganti rugi akan dikenakan jika terdapat sebarang kerosakan alatan yang dipinjamkan.

1.3 Kebersihan Bilik

- 1) Bilik mestilah sentiasa kemas, bersih dan teratur.
- 2) Kad Identiti Pelajar mesti ditampal dengan kemas.
- 3) Sampah hendaklah dibuang di tempat yang disediakan
- 4) Gambar dan poster tidak dibenarkan ditampal di dinding,
- 5) Hanya cadar dan sarung bantal maktab sahaja dibenarkan
- 6) Selimut hendaklah dilipat dan diletakkan di hujung katil.
- 7) Pakaian yang kering hendaklah dilipat kemas dan disimpan dalam almari.
- 8) Pakaian dan tuala yang basah hendaklah disidai di ampaian yang disediakan,
- 9) Barang-barang yang tidak digunakan seperti beg dan kotak hendaklah disimpan di dalam stor/ tempat yang ditentukan.
- 10) Dilarang meletakkan sebarang alatan/ barangan di tingkap asrama.
- 11) Kasut hendaklah disimpan di tempat yang disediakan.
- 12) Ampaian hendaklah dikosongkan sebelum jam 6.00 petang

2. PERATURAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN ASRAMA

2.1 Bilik Rekreasi/ Bilik Rehat/ Bilik Bacaan

- 1) Pelajar dibenarkan menonton televisyen pada waktu-waktu berikut:

BIL	HARI	MASA
1	Jumaat	08.30 pm - 10.00 pm
2	Ahad	10.30 am - 05.00 pm
3	Sabtu/ Cuti Am	10.30 m - 10.00 pm

- 2) Pelajar tidak dibenarkan menonton televisyen pada hari persekolahan, semasa solat waktu dan semasa program rasmi maktab.
- 3) Pelajar hendaklah menyusun semula alatan selepas menonton televisyen.
- 4) Pelajar hendaklah memastikan suis televisyen, lampu dan kipas selepas digunakan
- 5) Pelajar hendaklah menjaga kebersihan tempat menonton televisyen,
- 6) Pelajar dilarang membawa makanan basah ke tempat menonton televisyen.
- 7) Majalah dan bahan bacaan yang dibenarkan oleh maktab sahaja dibenarkan berada di bilik bacaan.
- 8) Semua majalah/ surat khabar hendaklah diletakkan di tempat asal setelah dibaca.
- 9) Kebersihan dan kekemasan bilik rehat hendaklah dijaga dengan rapi,
- 10) Majalah/ surat khabar tidak dibenarkan di bawa keluar dari bilik bacaan.

2.2 Bilik Utiliti

- 1) Penggunaan alat elektrik yang dibekalkan oleh pihak maktab sahaja dibenarkan.
- 2) Kebersihan bilik adalah tanggungjawab bersama
- 3) Pastikan suis alatan yang digunakan dimatikan dan plugnya dicabut.
- 4) Pelajar tidak benarkan membawa keluar alatan dari Bilik Utiliti.

2.3 Bilik Sakit

- 1) Pelajar yang mendapat kebenaran dari pihak pengurusan maktab sahaja dibenarkan berada di Bilik Sakit.
- 2) Kebersihan dan kekemasan bilik sakit hendaklah sentiasa dijaga.
- 3) pelajar hendaklah mengisi butiran diri di dalam Buku Daftar Bilik sakit ketika mendaftar masuk dan keluar.

2.4 Surau

- 1) Surau hendaklah digunakan hanya untuk solat dan aktiviti keagamaan sahaja.
- 2) Pelajar hendaklah memakai pakaian yang sesuai untuk ke surau.
- 3) Pelajar wajib solat lima waktu secara berjemaah di surau.
- 4) Semua pelajar Islam diwajibkan mengikuti aktiviti keagamaan yang diadakan di surau.
- 5) Penggunaan peralatan surau adalah menjadi tanggungjawab Biro Kerohanian Asrama.
- 6) Suis sistem P.A, lampu dan kipas hendaklah dimatikan selepas selesai aktiviti surau.
- 4) Pintu, tingkap dan pili air hendaklah ditutup, selepas digunakan.
- 5) Kebersihan surau adalah menjadi tanggungjawab semua pelajar.

2.5 Dewan Selera

- 1) Pelajar hendaklah beratur dan dilarang memotong barisan semasa mengambil makanan.
- 2) Kebersihan Dewan Selera adalah tanggungjawab bersama.
- 3) Sisa makanan hendaklah dibuang di tempat yang disediakan
- 4) Pelajar dilarang menyuruh rakan mengambil makanan bagi pihaknya.
- 5) Kerusi hendaklah disusun semula selepas digunakan.
- 6) Pelajar hendaklah sentiasa menjaga adab/ tatatertib semasa makan.
- 7) Pakaian semasa di Dewan Selera mestilah mengikut seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Pakaian Dewan Selera.
- 8) Pelajar dilarang membawa keluar makanan dan peralatan dari Dewan Selera.
- 9) Pelajar tidak dibenarkan masuk ke dapur atau kaunter agihan makanan.
- 10) Buku-buku dan peralatan peribadi tidak dibenarkan dibawa ke Dewan Selera.
- 11) Pelajar yang ingin meminjam/ menggunakan peralatan Dewan Selera mesti mendapat kebenaran Pengetua/ Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar.

12) Pelajar mesti mematuhi waktu makan seperti dalam Jadual Harian/ Mingguan

2.6 Bangunan Blok Asrama

- 1) Pelajar bertanggungjawab menjaga kebersihan tandas/ bilik mandi/ bilik basuh.
- 2) Pelajar dilarang membuang sampah ke dalam mangkuk tandas/ tangki.
- 3) Pakaian & tuala mandi dan barang peribadi tidak dibenarkan ditinggalkan di dalam tandas/ bilik mandi/ bilik basuh.
- 4) Tuala wanita/ sanitary pad hendaklah dibuang di tempat yang dihaskan.
- 5) Pili air dan suis lampu hendaklah sentiasa ditutup selepas digunakan
- 6) Pelajar tidak dibenarkan merendam pakaian di dalam singki.
- 7) pelajar hendaklah menyediakan jadual tugas membersihkan tandas/ bilik mandi/ bilik basuh.
- 8) Sebarang kerosakan hendaklah dilaporkan dengan segera kepada pihak maktab.

3. PERATURAN KESELAMATAN

3.1 Penggunaan Elektrik

- 1) Lingkaran Pemanas/ Water heater, seterika (sendiri) dan cerek elektrik, buka automatik tidak boleh digunakan.
- 2) Sambungan elektrik haram tidak dibenarkan.
- 3) Pastikan plug ditanggalkan dari soket setelah digunakan.
- 4) Penggunaan peralatan elektrik semasa kilat adalah ditegah.
- 5) Seterika elektrik maktab boleh digunakan bilik yang dihaskan sahaja.
- 6) Semua peralatan elektrik yang hendak digunakan di bilik asrama hendaklah didaftarkan terlebih dahulu.
- 7) Menggunakan peralatan elektrik yang rosak adalah ditegah.
- 8) Pastikan semua suis dimatikan selepas digunakan.
- 9) Sebarang kerosakan berkaitan dengan elektrik hendaklah dilaporkan segera kepada pihak maktab.

3.2 Semasa Berlaku Kebakaran

- 1) Apabila berlaku kebakaran, loceng kecemasan hendaklah dibunyikan.
- 2) Pelajar pertama yang menyedari kebakaran hendaklah menghubungi pihak bomba
- 3) Pelajar mestilah meninggalkan bangunan asrama dengan serta merta.
- 4) Suis lampu dan kipas mestilah dimatikan.
- 5) Pelajar hendaklah bergerak ke tempat perhimpunan mengikut pelan kecemasan yang ditetapkan.
- 6) Di tempat perhimpunan, pelajar hendaklah berbaris mengikut bilik masing-masing dan ketua aras/ blok hendaklah menyemak dan memastikan bilangan pelajar aras/ hendaknya mencukupi.
- 7) Ketua blok/ bilik hendaklah melaporkan bilangan pelajar di aras/ biliknya kepada warden.
- 8) Warden hendaklah melaporkan kejadian kebakaran kepada pengetua.
- 9) Pelajar hanya dibenarkan bersurai apabila diarahkan.

3.3 Keselamatan Wang

- 1) Pelajar tidak dibenarkan menyimpan wang tunai lebih daripada RM20.00 [Ringgit Malaysia: Dua Puluh Sahaja]
- 2) Wang tunai yang berlebihan mesti disimpan dalam bank atau penasihat homeroom/ warden.
- 3) Kad ATM mestilah disimpan di tempat yang selamat.
- 4) Nombor PIN hendaklah dihafal dan dimusnahkan.
- 5) Pelajar tidak dibenarkan meminta bantuan orang lain untuk mengeluarkan wang dengan menggunakan kad ATM yang bukan miliknya.
- 6) Pelajar hendaklah melaporkan kehilangan kad ATM dengan segera kepada pihak berkenaan.
- 7)

3.4 Keselamatan Umum

- 1) Penggunaan ubat nyamuk lingkar dan lilin tidak dibenarkan.
- 2) Pelajar hendaklah mengetahui cara menggunakan alat pemadam api semasa berlaku kebakaran
- 3) Jika berlaku kecemasan pelajar hendaklah menghubungi Warden/ Ketua Warden, Pengawal Keselamatan dengan segera.
- 4) Peti pertolongan cemas boleh didapati daripada Warden/ bilik pembantu tadbir asrama / Pejabat Warden.

4. GARIS PANDUAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT

4.1 Spesifikasi telefon bimbit yang dibenarkan penggunaannya oleh pelajar adalah seperti berikut:

- 1) Penggunaan Telefon Pintar adalah **DILARANG**. Telefon bimbit mesti didaftarkan.
- 2) Telefon bimbit yang dibenarkan adalah telefon yang berfungsi hanya untuk membuat panggilan, menerima panggilan, menghantar dan menerima sistem pesanan ringkas [sms].
- 3) Telefon bimbit yang tidak mempunyai sistem kamera dan memori kad.
- 4) Telefon bimbit yang mempunyai keupayaan minimum serta tidak berfungsi untuk menyimpan bahan-bahan bergambar dan video.

4.2 Masa Penggunaan Berkaitan Waktu Dan Lokasi

- 1) Penggunaan telefon bimbit bagi pelajar hanya dibenarkan selain waktu akademik dan kelas persediaan.
- 2) Penggunaan telefon bimbit hanya dibenarkan di luar blok akademik sahaja seperti di asrama dewan selera dan kawasan terbuka yang lain.
- 3) Pengecasan telefon bimbit hanya boleh dilakukan di asrama sahaja.
- 4) Berikut adalah ketetapan waktu penggunaan telefon bimbit-

BIL	HARI	MASA
1	Isnin hingga Jumaat	04.30 petang hingga 06.00 petang 10.30 Malam hingga 11.00 Malam
2	Sabtu	01.00 Tengahari hingga 11.00 Malam
3	Ahad & Cuti Umum	07.00 Pagi hingga 06.00 Petang 10.30 Malam hingga 11.00 Malam

4.3 Penetapan Bayaran Pendaftaran Dan Kos Elektrik

- 1) Pelajar-pelajar diwajibkan membayar RM10.00 kepada pihak pengurusan maktab sebagai wang pendaftaran dan kos elektrik
- 2) Pembayaran ini hanya berkuat kuasa selama setahun dan telefon bimbit anda akan dilabelkan.

4.4 Etika Dan Tertib Penggunaan Telefon Bimbit

- 1) Pelajar-pelajar hanya dibenarkan menggunakan telefon bimbit atas keperluan menghubungi ibu bapa, keluarga, guru atas tujuan yang positif serta hanya pada waktu dan lokasi yang telah ditetapkan sahaja.
- 2) Pelajar-pelajar dilarang menggunakan telefon bimbit bagi tujuan menjalin hubungan yang negatif seperti hubungan cinta, hubungan terlarang sesuatu unsur yang bersifat budaya kuning, menimbulkan ancaman mencetuskan pergaduhan atau provokasi sama ada melalui panggilan telefon ataupun sms,
- 3) Pelajar-pelajar dilarang sama sekali menggunakan telefon bimbit sehingga menjejaskan prestasi akademik dan menjejaskan penumpuan pelajar di dalam kelas.
- 4) Pelajar-pelajar dikehendaki bersama-sama menjaga kemudahan keselamatan elektrik ketika proses mengecas telefon masing-masing.
- 5) Kehilangan dan kerosakan telefon bimbit pelajar adalah tanggungjawab pelajar sendiri.
- 6) Pihak pengurusan maktab tidak bertanggungjawab atas kerosakan dan kehilangan tersebut

4.5 Tatacara Penggunaan Dan Hukuman Pelanggaran Penggunaan

- 1) Pihak pengurusan MRSM menetapkan penggunaan telefon bimbit secara sistem kontrak dalam tempoh kiraan waktu 3 bulan. Pematuhan pelajar kepada peraturan dan etika penggunaan dalam tempoh 3 bulan pertama [Januari - Mac] membolehkan penggunaan telefon bimbit kepada pelajar dilanjutkan kontraknya dalam tempoh 3 bulan selanjutnya, Seterusnya, untuk 3 bulan yang berikutnya, sekiranya ada segelintir pelajar yang melanggar peraturan dan etika penggunaan serta menimbulkan masalah/ rekod disiplin, pihak pengurusan maktab akan menarik balik kebenaran penggunaan telefon bimbit kontrak 3 bulan penggunaan telefon bimbit tersebut tidak akan dilanjutkan].
- 2) Sekiranya didapati mana-mara pelajar melanggar peraturan telefon bimbit berdasarkan perkara 1, 2, 3 dan 4 yang tersebut, telefon bimbit pelajar berkenaan akan dirampas oleh guru asrama/ pihak pengurusan,
- 3) Prosedur tuntutan telefon bimbit hanya dibenarkan pada akhir semester dengan bayaran dengan RM50.00.